

Menyambut hari raya ini ruangan ini ambil rehat sedikit.

Ia hanya memberi ucapan selamat hari raya kepada seluruh pembaca-pembaca dan penggemar-penggemarnya khasnya dan *ikhwān al-Muslimīn* amnya serta mengharapkan ampun dan maaf – *min al-‘ā‘idīn al-fā‘izīn*.



Tetapi walaupun begitu hanya satu yang tidak dapat ditinggalkan iaitu semoga Allah melaknat Sukarno kerana ia berani menyamakan “hijrahnya” dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kepada negara Komunis disamakannya dengan hijrah Nabī Muḥammad (S.A.W) dari Mekah ke Madinah yang diwahyukan Tuhan itu.

Sekali lagi: *la‘natu Allāhi ‘alā* Sukarno.

Cemeti al-Farouk